

ABSTRAK

Kajian awal terhadap perilaku pengundi di Malaysia menunjukkan identifikasi parti atau identiti etnik dan undi yang diberikan kepada parti politik mempunyai hubungan yang signifikan dan corak pengundian adalah stabil. Kajian yang dilakukan pada penghujung dekad 1990an menunjukkan bahawa corak pengundian lama yang terikat dengan etnisiti berubah kepada pengundian berunsurkan pembangunan, Islam dan isu yang berkait dengan urus tadbir. Kajian ini memeriksa kesan perubahan daripada mobilisasi parti kepada mobilisasi literasi politik terhadap pembahagian atau kategori pengundi Melayu bandar di kawasan parlimen campuran. Modernisasi yang dialami masyarakat Melayu lebih lima dekad lalu, polisi pentadbiran Abdullah Hj. Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia yang kelima dan kemunculan media baru mengubah proses mobilisasi (daripada mobilisasi parti kepada mobilisasi literasi politik). Menggunakan data yang dikutip semasa kerja lapangan di dua kawasan parlimen campuran, iaitu di Ampang dan Selayang, pengkaji menunjukkan kepentingan corak mobilisasi alternatif (literasi politik) dengan menunjukkan perbezaan besar berlaku dalam konteks pemikiran politik, pilihan mengundi dan perubahan undi. Hasil kajian ini menunjukkan kategori pengundi Melayu di kawasan campuran boleh dibahagikan kepada empat kategori seperti berikut:

- 1) Pengundi Atas Pagar Berketerampilan (PAB), 2) Tidak Minat Politik (TMP), 3) Pengundi Partisan Berketerampilan (PPB), dan 4) Pengikut Setia Parti (PSP). PAB merupakan pengundi yang dimobilisasikan oleh literasi politik, mempunyai pendidikan tinggi, berkemahiran memahami dunia politik dan mengikuti perkembangan politik. PAB lebih cenderung menilai dan pengundi yang berketerampilan dalam menilai isu, khususnya dari dimensi kualiti hidup dan urus tadbir. Dalam masa yang sama, PAB menyumbang kepada peralihan corak pengundian, khususnya di kawasan bandar yang

terdapat kawasan parlimen campuran. Peralihan corak pengundian tersebut menyumbang kepada proses kerenggangan politik yang sedang mengambil tempat dalam politik pilihan raya di Malaysia seperti dapat dilihat menerusi kegagalan Barisan Nasional (BN) mengekalkan penguasaan dua pertiga kerusi parlimen semasa Pilihan Raya Umum 2008.

ABSTRACT

Early studies in Malaysia showed that party identification or communal (ethnic) identification and voting cast were closely related and the pattern was rather stable. Studies on voting behavior at least in the late 1990s showed that the old pattern of communal voting have given way to developmentalist, Islamist and issues related with governance. This research traces the changes from party mobilization to cognitive mobilization and how does it affect the distribution of voters within the urban Malay electorate, especially in the mixed constituencies. The modernization of Malay society over the last five decades, policy implemented during the administration of Abdullah Hj. Ahmad Badawi, the Malaysian fifth Prime Minister and the rise of new media altered the processes of voters mobilization (from party mobilization to cognitive mobilization). By using the data collected during the field work in two mixed constituencies, i.e. Ampang and Selayang, we demonstrate the importance of these alternative mobilization pattern by showing strong differences in the context of political thinking, voting choice and electoral change. The results suggest that the Malay voters in mixed constituencies can be divided into four categories as followed: 1) Apartisan, 2) Apolitical, 3) Cognitive Partisan, and 3) Ritual Partisan. Apartisan voters who are cognitively mobilized but lack partisan ties were better educated group, knowledgeable about politics and politically engaged. Apartisan voters tend to be more evaluative and sophisticated electorate that make their electoral choice on the issues especially in the quality of life and governance. Concomitantly, Apartisan voters contribute to the growing volatility and fluidity of electoral politics, especially in urban and mixed constituencies. This trend contribute to the on-going partisan dealignment of Malaysian electoral politics which reflected in the perennially dominant Barisan National (National

Front, BN) getting less than two third majority in the parliamentary seats for the second time during the 2008 Malaysia's General Election.

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Illahi, kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, akhirnya tesis ini dapat disiapkan dalam tempoh seperti yang dirancang. Tesis ini tidak dapat disempurnakan dalam masa yang ditetapkan tanpa sokongan dan dokongan daripada pelbagai pihak yang terlalu panjang senarainya untuk diperincikan. Namun begitu, beberapa nama yang banyak membantu dan memberi dorongan kepada pengkaji wajar disebutkan di sini. Pertama, ialah penyelia saya iaitu Prof. Datuk Dr. Norma Mansor dari Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya dan Prof. Madya Dr. Hamidin Abd. Hamid dari Jabatan Sejarah Universiti Malaya - khususnya kepada Prof. Datuk Dr. Norma Mansor yang merupakan guru dan mentor kepada saya di Jabatan Pengajian Pentadbiran dan Politik (FEP, UM) yang memberi dorongan dan nasihat yang membina; rakan-rakan seperjuangan di Universiti Malaya - En. Nawi Abdullah, Dr. Makmor Tumin, Amir Saifude, Dr. Azharuddin Mohd Dali - khususnya kepada En. Nawi Abdullah yang banyak menyumbang idea dari segi teknikal; rakan-rakan penyelidik projek sosialisasi politik di anjuran bersama oleh Majlis Profesor Negara (MPN) dan Institut Kajian Etnik (KITA UKM) - Prof. Dr. Mansor Mohd Noor, Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul A.B., Prof. Emeritus Datuk Seri Zakri Abdul Hamid, Prof. Datuk Dr. Syed Arabi Idid, Dr. Sobhi (UUM), Dr. Zaheruddin (UUM), Dr. Rizal (UKM), Dr. Rusman (UTM), Anis Yusal Yusof (UKM), Dr. Kassim (UTM) dan Dr. Jeneri (Unimas) - terutamanya kepada Prof. Mansor dan Prof. Ulung Datuk Shamsul (KITA,UKM) yang sentiasa memberi idea yang segar, tempat saya menimba ilmu, bertukar pendapat dan mendapat kritikan serta menjadikan minat saya dalam dunia akademik semakin bertambah.

Kajian tidak dapat disiapkan tanpa sokongan dan bantuan daripada pelbagai pihak. Geran penyelidikan jangka pendek daripada kluster kemanusiaan Universiti Malaya membantu saya melakukan kerja penyelidikan lapangan dan menggunakan khidmat beberapa orang pembantu penyelidik dalam melaksanakan kerja temu ramah dan

pemerosesan data. Geran penyelidikan daripada MPN dan KITA membolehkan saya menghadiri beberapa siri bengkel perbincangan dan mempertajamkan kefahaman saya terhadap metedologi, kerangka analitikal kajian dan pembinaan instrumen kajian. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ‘Terima Kasih’ kepada para pembantu penyelidik yang pernah berkhidmat membantu saya sepanjang proses saya menyiapkan kerja-kerja penyelidikan ini, antaranya ialah Sdr. Faisal Khan, Nur Hairani, Mohamad Ilyia, Hadri, Nurul Nafisah, Nurul Afiqah dan Yang Sofia - khususnya kepada Yang Sofia dan Nur Hairani yang banyak memberikan bantuan ketika diperlukan, terutamanya pada peringkat pertengahan dan tahap akhir proses menyiapkan penulisan tesis ini.

Menyiapkan tesis Ph.D secara sambilan disamping bergelut dengan tugasan harian sebagai pensyarah dan kerja-kerja penyelidikan yang sentiasa menuntut komitmen yang tinggi bukanlah suatu kerja yang mudah. Sehubungan dengan itu, saya berasa sangat bersyukur ke Hadrat Ilahi kerana mempunyai isteri, Nor Aizan Zainuddin yang sentiasa memberi semangat dan dorongan kepada saya dengan cara beliau sendiri. Saya juga berasa bersyukur dengan kehadiran Tiya’, satu-satunya anak kami yang sentiasa menghibur dan ceria sehingga beban yang berat ini tidak begitu terasa khasnya apabila saya sampai di rumah setelah seharian berhadapan dengan tugasan dan tanggungjawab di universiti.

Kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya menyempurnakan kajian ini, saya ucapkan ribuan terima kasih. Segala kesilapan dan kelemahan yang terdapat dalam penulisan ini adalah terletak di bahu penulis. Harapan saya ialah kajian ini dapat merangsang lebih banyak kajian terhadap perilaku pengundi dan politik pilihan raya di Malaysia pada masa hadapan.